

U PB 20-02 00114 BAO29

AAB

Mahathir - Sabah

ADA ANGGOTA PBS MAHU SERTAI BN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau mendapat maklumat bahawa ada calon Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memenangi pilihan raya negeri itu yang ingin menyertai Barisan Nasional (BN) tetapi telah dihalang daripada berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, beliau diberitahu para pemimpin BN di Sabah bahawa mereka telah mendapat "mesej" itu daripada beberapa orang calon berkenaan.

Keadaan ini juga, katanya, menyebabkan Yang Dipertua Negeri, Tun Haji Mohamad Said Kuruak tidak mendapat kepastian siapakah yang sepatutnya mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri. -- Lagi.

▼20/02/13-13MST

U PB 20-02 00268 BAO31

AAB

PERHATIAN EDITOR - PEMBETULAN

Dalam berita take kedua Mahathir - Sabah perenggan kedua hendaklah dibaca seperti berikut:

"Sebelum inipun kita dengar ada juga antara mereka yang mungkin keluar dari PBS. Saya tidak tahu sama ada perkhabaran ini benar atau tidak. Tetapi mereka (calon dari PBS) sepatutnya diberi kebebasan. Sebaliknya maklumat yang kita terima, mereka dikurung dan tidak dibenarkan keluar (dari kediaman rasmi Ketua Menteri, Sri Gaya (ulang) Sri Gaya).

Berita berkenaan dengan pembetulannya ialah seperti berikut:-

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

Ini kerana beliau tidak dapat menentukan siapa sebenarnya yang mendapat keyakinan majoriti daripada wakil rakyat yang telah dipilih, katanya.

"Sebelum inipun kita dengar ada juga antara mereka yang mungkin keluar dari PBS. Saya tidak tahu sama ada perkhabaran ini benar atau tidak. Tetapi mereka (calon dari PBS) sepatutnya diberi kebebasan. Sebaliknya maklumat yang kita terima, mereka dikurung dan tidak dibenarkan keluar (dari kediaman rasmi Ketua Menteri, Sri Gaya).

"Mungkin ini hak parti (PBS) untuk berbuat demikian. Tetapi ada aduan-aduan yang kita terima tentang perkara ini. Kita hendak tahu sama ada benar atau tidak," katanya pada persidangan akhbar di kediamannya di Seri Perdana.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN berkata, tidak ada satu jalan yang lebih mudah untuk tentukan pendirian Anggota Dewan Undangan Negeri PBS daripada membebaskan mereka untuk membuat kenyataan tentang pendirian mereka.

Perdana Menteri berkata, masalah ini timbul kerana Perlembagaan Negeri Sabah berbeza dengan perlembagaan negeri lain memandangkan parti yang dapat membentuk kerajaan dibenarkan melantik enam orang lagi untuk menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri. -- Lagi.

▼20/02/13-35MST

AAB

Mahathir - Sabah 3 Kuala Lumpur

"Ini sudah tentu menyebabkan satu 'distortion' kerana ia tidak menepati sebenarnya kehendak satu orang satu undi yang kita telah beri dan yang menang dapat lebih daripada sokongan yang diberi kepadanya.

"Justeru itu kalau ada selepas pembentukan kerajaan sesiapa yang ingin meninggalkan parti, kesan daripada peninggalan itu tidak seperti sebelum kerajaan dibentuk," katanya.

Oleh kerana itu, beliau berharap mereka yang menang, sama ada wakil PBS atau BN, diberi peluang menyatakan pendirian masing-masing untuk mendapatkan secara sah parti mana yang mereka sokong.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak berbangkit sekiranya keadaan majoriti besar tetapi ia berbeza sekarang.

Ketika ditanya mengenai tindakan mengurung itu, beliau berkata: "Kalau dengan rela hati mereka membenar diri mereka dikurung, itu dia punya masalah. -- Lagi.

▼20/02/14-46MST

CNS5763

U PB 20-02 00122 BA038

AAB

Mahathir - Sabah 4 Kuala Lumpur

"Tetapi kalau ada buat laporan dia dikurung tanpa kerelaannya mungkin polis terpaksa mengambil tindakan membebaskan sesiapa yang kena culik," katanya.

Sambil memberi jaminan sebagai ketua BN bahawa parti komponen itu tidak akan bertindak di luar undang-undang, Dr Mahathir berharap perkara itu dapat diselesaikan mengikut undang-undang negara tanpa sebarang perkara yang tidak diinginkan.

"Saya harap ini dapat menenangkan keadaan. Jikalau benar rakyat Sabah sudah memilih PBS, kita terima," kata beliau.

Oleh kerana itu, katanya, Yang Dipertua Negeri perlu membuat keputusannya secepat mungkin.

Bagaimanapun, beliau berkata, kemungkinan ada pihak-pihak dalam PBS yang ingin menyeberang memasuki BN akan menukar sama sekali keputusan pilihan raya negeri Sabah. -- Lagi.

▼20/02/14-57MST

CNS5766

U PB 20-02 00140 BA039

AAB

Mahathir - Sabah 5 Kuala Lumpur

Ketika ditanya apa yang perlu dilakukan Pairin bagi membolehkan beliau mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri dan membentuk kerajaan negeri, Dr Mahathir berkata, beliau hendaklah meyakinkan Yang Dipertua Negeri bahawa beliau mendapat keyakinan majoriti wakil rakyat yang dipilih.

Ketika ditanya kemungkinan sebuah kerajaan campuran dibentuk Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak timbul.

Bagaimanapun, BN akan menerima mana-mana wakil rakyat dari PBS yang ingin "menyeberang" tetapi tidak akan memujuk, katanya, sambil menambah kata: "Kalau PBS hendak masuk BN, lain kiralah."

Semasa diminta mengulas mengenai perlembagaan negeri yang membolehkan parti yang menang melantik enam anggota lagi, Dr Mahathir berkata, peruntukan itu tidak sepatutnya ada kerana ia menukar corak demokrasi.

Tetapi, katanya, sekiranya BN membentuk kerajaan, parti komponen itu terpaksa mematuhi walaupun ia sepatutnya dipinda. -- Lagi.

▼20/02/15-01MST

CNS5769

U PB 20-02 00131 BA040

AAB

Mahathir - Sabah 6 Kuala Lumpur

Mengenai sama ada Yang Dipertua Negeri boleh menjemput BN membentuk kerajaan dan melantik enam anggota lagi selepas itu, Dr Mahathir berkata: "Tidak boleh."

Mengenai peranan yang boleh dimainkan BN sekiranya PBS berjaya membentuk kerajaan, beliau berkata, tugas BN ialah menentukan segala tindak-tanduk PBS diselia supaya tidak ada lagi penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan peruntukan dan sebagainya.

Beliau juga menegaskan bahawa BN akan hanya melaksanakan pelbagai projek yang dijanjikan semasa kempen pilihan raya di kawasan-kawasan yang memilih BN.

"Setakat yang kita janji pada orang yang pilih kita, kita laksana. Pada orang yang tidak pilih, payah sikit."

Dr Mahathir berkata, janji itu turut membabitkan pembukaan sebuah universiti di Sabah yang dijanjikan sekiranya BN memenangi pilihan raya. --
Lagi.

▼20/02/15-04MST

CNS5770

U PB 20-02 00099 BA041

AAB

Mahathir - Sabah 7 (Akhir) Kuala Lumpur

"Kita janji jika kita menang, tetapi kita kalah dan ini bermakna rakyat Sabah memutuskan mereka tidak akan mendapat sebuah universiti kerana secara automatik apabila mereka menolak BN, mereka menolak universiti itu.

"Mereka berkata tidak mengapa tidak mendapat sebuah universiti. Kepada mereka PBS lebih penting. Itu ialah keputusan mereka," katanya.

Beliau juga menafikan dakwaan PBS bahawa BN menghantar beribu-ribu pengundi hantu ke Sabah.

Yang turut hadir pada persidangan akhbar itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. -- Bernama.

JO KAM.